

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 8MAC 2016

RUJUKAN : 8544

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pegawai yang didapati bersalah di atas tuduhan rasuah, jawatan mereka serta semua tindakan susulan yang diambil ke atas laporan pendedahan Cawangan Khas (Special Branch) bahawa 80% daripada kakitangan keselamatan negara dan pegawai penguatkuasa di sempadan Malaysia terbabit rasuah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis memberikan perhatian serius dan telah menjalankan siasatan dalaman oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman untuk menentukan kesahihandakwaan berkenaan yang menyatakan bahawa 80 peratus pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan negara di sempadan terlibat dalam rasuah walaupun disahkan terlebih awal bahawa tiada kenyataan sedemikian dikeluarkan oleh Pengarah Cawangan Khas PDRM seperti yang disiarkan dalam akhbar dan media sosial.

Hasil daripada siasatan dalaman yang dibuat telah merumuskan bahawa tiada kebenaran dakwaan tersebut dan dakwaan sedemikian merupakan perkara yang sengaja disensasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang tidak diketahui tujuan sebenar berbuat demikian.